

PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Merujuk surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 28 Februari 2009, adalah dimaklumkan bahawa semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan sama ada syarikat/kontraktor/firma perunding/penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan perlu diingatkan mengenai kesalahan rasuah bahawa:-

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the **Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)**.*

- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

*If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the **Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)**.*

- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the **Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)**.*

- (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.

*Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claims commits an offence under the **Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)**.*